



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MAHASISWA AGEN PENGGERAK UTAMA MENJAYAKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI DI PERINGKAT AKAR UMBI

---

**KANOWIT, 6 OGOS 2023**, – Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah melaksanakan **Program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa 2023** bertempat di Nanga Tada, Kanowit, Sarawak yang melibatkan **mahasiswa tahun pertama** yang berasal dari Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang sedang melanjutkan pelajaran di **Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu dan Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Sarawak**. Program ini berlangsung selama **5 hari dan 4 malam bermula 3 Ogos hingga 7 Ogos 2023**.

Objektif program ini adalah untuk **mengukuhkan integrasi nasional melalui pelaksanaan aktiviti seni budaya dan sukan yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan mengukuhkan hubungan dan interaksi sosial antara generasi muda dengan komuniti setempat** melalui sikap saling memahami adat resam dan budaya kaum lain. Matlamat lain program ini adalah **membentuk ekosistem perpaduan yang utuh di antara anggota masyarakat dari semua peringkat umur**.

Pelaksanaan program **berkonsepkan 'program anak angkat'** dimana peserta tinggal bersama keluarga angkat sepanjang pelaksanaan program tersebut berlangsung dengan **pengisian pelbagai aktiviti silang budaya** seperti perkongsian maklumat berkaitan budaya, Malaysia Tanah Airku, bicara bahasa, aktiviti seni budaya masyarakat Sarawak seperti tarian ngajat dan membuat kraftangan hiasan manik dan *unity plogging*. Selain itu peserta juga terlibat dalam penyediaan masakan tradisional bersama komuniti, aktiviti kesukarelawanan seperti membaiki jambatan dan papan tanda kawasan, *fun learning* bersama komuniti, sukan perpaduan, interaksi bersama komuniti, dan senam harmoni.

Program ini adalah selari dengan hasrat Kementerian Perpaduan Negara untuk **menjadikan mahasiswa sebagai salah satu agen penggerak utama dalam menjayakan perpaduan dan integrasi di peringkat akar umbi** dengan pemupukan dan pengamalan sikap toleransi, saling hormat dan berkasih sayang antara sesama insan. **Kementerian komited untuk memastikan program ini menjadi salah satu medium dalam pembinaan tapak integrasi bagi mengukuhkan penyatupaduan dan pembudayaan perpaduan** di setiap lapisan masyarakat di Malaysia, seiring dengan konsep ‘Perpaduan Dalam Kepelbagaian’.

YB Menteri Perpaduan menyatakan harapannya agar program ini dapat mengukuhkan **pemahaman dan penghayatan adat budaya serta warisan masyarakat kita yang terdiri daripada pelbagai kaum**. “Kerajaan melalui KPN amat berharap supaya program-program sebegini dapat diteruskan bagi matlamat mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dan hidup dalam suasana yang harmoni”, ujar YB Datuk Aaron.

Program ini telah mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak, rakan strategik Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Jabatan Arkib Negara Negeri Sarawak serta komuniti Rumah Panjang Nanga Tada.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

6 Ogos 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (29)